



UNTUK TERBITAN SERTA MERTA

SHELL MALAYSIA MENTRANSFORMASI BAHAGIAN HULUANNYA UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN SERTA DAYA SAINGAN

Langkah-langkah peningkatan kecekapan Shell bakal membawa impak kepada 1,300 jawatan di bahagian huluannya dalam jangka masa dua tahun

MIRI, 29 September 2015 – Shell Malaysia hari ini telah mengumumkan program transformasi untuk bahagian huluannya. Inisiatif ini memberi fokus kepada peningkatan kecekapan dan penghapusan kerumitan agar ianya dapat menjadi sebuah syarikat yang lebih tangkas dan kompetitif.

“Kami membuat pengukuhan organisasi dengan memberi keutamaan kepada produktiviti dan kecekapan, tanpa menjejaskan keselamatan dan kebolehpercayaan. Kami akan muncul dari proses ini sebagai syarikat yang lebih lincah, berdaya tahan dan berdaya saing dalam industri minyak dan gas Malaysia,” kata lain Lo, Pengerusi Shell Malaysia.

Hasil daripada inisiatif ini, Shell Malaysia akan mengurangkan kira-kira 1,300 jawatan dari bahagian huluannya dalam jangkamasa dua tahun akan datang. Jumlah tenaga kerja Shell Malaysia adalah dalam anggaran 6,500 pekerja.

Dalam memberi penjelasan tentang keputusan ini, Lo berkata, “Ia memang satu keputusan yang amat sukar untuk diambikkan. Kami telah membuat pelarasan kepada portfolio huluannya kami dan kami akan menjadi lebih cekap di dalam operasi kami. Malangnya, impak terhadap kakitangan tidak dapat dielakkan. Namun, saya ingin menegaskan sekali lagi komitmen kami untuk melayani pekerja-pekerja kami dengan penuh hormat dan prihatin; dan membantu mereka membuat peralihan dari jawatan semasa mereka.”

Shell mempunyai sejarah yang panjang di Malaysia. Tahun hadapan adalah ulang tahun ke-125 mereka di negara ini.

“Kami sangat bangga dengan sumbangan kami kepada industri minyak dan gas di Malaysia. Kami berharap agar dapat meneruskan kerjasama yang berpanjangan dan menguntungkan dengan PETRONAS. Kami juga percaya bahawa kami masih boleh banyak menyumbang kepada negara, terutama sekali di Sabah dan Sarawak, di dalam pembangunan sumber negara. Saya tegas menyatakan bahawa Shell yakin akan masa hadapannya di Malaysia,” kata Lo.

Malaysia adalah salah satu daripada beberapa negara dalam Kumpulan Shell di mana semua aliran perniagaan Shell, daripada huluannya ke hiliran sehinggalah kepada perkhidmatan perniagaan, diwujudkan.

Di bahagian hiliran, pelantar [Gumusut-Kakap](#) Shell Malaysia merupakan sistem pengeluaran terapung laut dalam pertama syarikat tersebut di Malaysia. Shell juga baru-baru ini mencapai satu kemajuan penting dalam pembinaan sebuah pelantar kaki tegang untuk usaha sama laut dalamnya yang kedua, telaga minyak [Malikai](#), 100 km di luar pantai Sabah. Shell Malaysia adalah satu pencari gali utama di negara ini, setelah melabur purata US\$100 juta setahun bagi 6 tahun yang lalu dan telah membuat 11 penemuan (termasuk penemuan di Blok di mana Shell adalah rakan kongsi) dalam tempoh 24 bulan yang lalu.



Keupayaan aliran pertengahan Shell di Malaysia sebagai hab inovasi adalah juga penting bagi kumpulan ini. Shell membina kilang minyak Gas-ke-Cecair (Gas-to-Liquids, GTL) berskala komersil pertamanya di Bintulu, Sarawak. Penyelidikan dan pembangunan GTL telah membawa kepada beberapa produk inovatif seperti [Shell Helix Ultra berteknologi PurePlus](#) yang memberi manfaat kepada pengguna jalan raya di seluruh dunia hari ini.

Dalam industri hiliran pula, Shell terus menjadi peneraju sebagai jenama bahan api dan pelincir pilihan. Baru-baru ini, melalui inisiatif '[Selamat Datang ke Shell](#)', syarikat itu memulakan program perubahan perniagaan dan budaya perniagaan, di mana dalam masa tiga tahun lokasi-lokasi runcitnya di seluruh negara akan berubah menjadi peneraju dalam bidang hospitaliti dan perkhidmatan pelanggan di jalan raya Malaysia.

"Shell Malaysia sedang bersedia untuk menjadi lebih berdaya saing dalam persekitaran harga minyak yang rendah. Meneruskan perniagaan seperti biasa bukanlah satu pilihan. Tindakan ini adalah satu tindakan yang sukar tetapi kami terpaksa melakukannya. Kami mempunyai strategi masa depan, berlandaskan skala dan daya saing di hulu dan memanfaatkan jenama utama kami di hiliran. Kami tetap selaras dengan strategi Kumpulan dan kami yakin bahawa kami mampu memberikan pulangan yang kompetitif kepada para pemegang saham, sekali gus memperoleh mandat untuk bersaing untuk masa depan kami di Malaysia," kata Lo lagi.

-TAMAT-

Nota kepada Pengarang:

Shell Malaysia komited untuk melayani kakitangan kami dengan penuh hormat dan mengambil berat, selaras dengan Prinsip Kakitangan Global Shell; dan membantu mereka membuat peralihan dari kedudukan semasa mereka. Bagi kakitangan yang tidak terpilih, Shell akan menyediakan pakej pemberhentian kompetitif, manfaat kakitangan penuh dan bonus prestasi prorata dalam tempoh pemberitahuan itu. Shell Malaysia juga menubuhkan Pusat Mobiliti khusus di Miri, Labuan, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur untuk menyokong kakitangan dengan latihan dan khidmat nasihat perancangan kewangan.

Untuk Maklumat Media yang selanjutnya, sila hubungi:

Leigh Wong

Ketua Perhubungan Media & Pengurusan Isu, Shell Malaysia

Cell: +60 12 525 8029, Email: leigh.wong@shell.com

Mengenai Shell – www.shell.com.my

Shell ialah peneraju global dalam bidang kuasa, tenaga, dan teknologi gas dan sedang berusaha untuk memenuhi peningkatan permintaan tenaga dan cabaran pembekalan dengan menyediakan produk yang lebih bijak dan tenaga yang lebih bersih, infrastruktur, dan dengan membangunkan sumber tenaga baru di samping menangani impak ke atas alam sekitar. Malaysia merupakan salah satu kawasan utama Shell. Sejarah Royal Dutch Shell di Malaysia bermula lebih daripada 120 tahun di Miri, Sarawak. Shell kini mempunyai kehadiran pasaran yang kukuh dalam sektor hulu dan hiliran di Malaysia.